

SOALAN LAZIM

NO.	PERKARA	KETERANGAN
1.	Adakah institut/fakulti di UPM dikira sebagai <i>approve research institute</i> ?	Fakulti dan Institut di UPM tidak dikira sebagai <i>approved research institute</i> . Untuk melayakkan mendapat potongan cukai dua kali, para penyelidik mestilah melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang telah diiktiraf sebagai Institut Penyelidikan Yang Diluluskan (IPYD) oleh pihak MOF
2	Adakah anak syarikat di bawah UPM Holding dibenarkan untuk menyumbang dan mendapat potongan cukai dua kali?	Dibenarkan. Mana mana anak syarikat dibawah UPM, seperti UPM Holding dibolehkan menyumbang kepada RMC dan layak untuk mendapat potongan cukai dua kali
3	Adakah sumbangan Syarikat dari luar negara dibenarkan menyumbang ke RMC?	Sumbangan dari Syarikat luar negara dibolehkan tetapi tidak layak mendapat pemotongan DTD.
4	Bolehkah individu yang menyumbang sumbangan tunai layak mendapat potongan cukai dua kali?	Individu yang menyumbang sumbangan tunai layak mendapat potongan cukai satu kali sahaja. Hanya sumbangan tunai dari Syarikat sahaja yang layak mendapat potongan cukai dua kali. Sila rujuk akta 34B(1) subsection 2, <i>from the gross income from the business</i> .
5	Tempoh simpanan dokumen DTD	6 – 7 Tahun
6	Adakah dibolehkan <i>Consultation</i> dan <i>Testing</i> mendapat potongan cukai dua kali?	Tidak dibenarkan potongan cukai dua kali. Aktiviti <i>consultation</i> dan <i>testing</i> layak untuk potongan sekiranya ianya adalah sebahagian daripada keseluruhan projek R&D yang menepati kriteria yang ditetapkan.
7	Syarikat mendapat geran dari Kerajaan dan <i>outsource</i> to UPM. Adakah layak untuk mendapat potongan cukai dua kali?	Tidak layak kerana sumber kewangan adalah dari dana awam
8	Syarikat mendapat geran dari Kerajaan dan <i>outsource</i> to UPM. Selepas	Layak. Layak atas baki yang dibayar oleh syarikat

	berbincang dengan pihak UPM, Syarikat dikehendaki menambah jumlah sumbangan. Adakah layak untuk mendapat potongan cukai dua kali?	
9	Sekiranya projek ditamatkan lebih awal, adakah layak untuk mendapat potongan cukai dua kali?	Syarikat hanya layak berdasarkan jumlah yang telah dibayar
10	Jika projek itu selama 3 tahun, adakah dibenarkan potongan cukai setiap tahun atau selepas projek tamat?	Tuntutan potongan cukai dua kali berdasarkan jumlah yang telah dibayar.
11	Apa itu perbelanjaan modal?	Perbelanjaan modal seperti mesin, jentera, komputer dan bangunan dikira sebagai perbelanjaan modal dan tidak dibenarkan potongan cukai dua kali melainkan sewaan mesin, jentera dan sewaan yang berkaitan. Ianya termasuk aset dan inventori.
12	Adakah projek selama dua (2) bulan dikira sebagai R&D projek?	Jika projek itu memenuhi syarat R&D, layak dikira potongan cukai dua kali
13	Projek milik syarikat dan penyelidik ingin berkongsi harta intelek/IP bersama dengan syarikat.	Hak milik harta intelek/IP adalah tertakluk kepada perbincangan dan persetujuan diantara kedua belah pihak.
14	Adakah gaji Pembantu Penyelidik (<i>Research Assistant-RA</i>), Penyelidik dan Ketua Penyelidik (honorium) dibolehkan?	Jika Syarikat setuju, tiada isu dan layak untuk potongan cukai dua kali. Pihak Bendahari hendaklah memastikan gaji itu diistiharkan di dalam borang EA.
15	Apakah yang dimaksudkan helaian masa (<i>timesheet</i>)?	Dokumen yang merekodkan aktiviti yang dijalankan oleh RA
16	Adakah penyelidik dibenarkan untuk tuntutan pengangkutan dan lain-lain?	Ya, dibenarkan.

17	Adakah dibolehkan kerjasama lebih dari satu syarikat untuk menyumbangkan dana untuk sesuatu projek	Ya, dibolehkan selagi ia mematuhi definisi R&D.
18	Adakah menghadiri <i>conference</i> / kursus yang berkaitan projek yang dikendalikan dibenarkan untuk potongan cukai dua kali	Ya dibenarkan potongan cukai dua kali sekiranya <i>conference</i> /kursus itu diperlukan bagi mencapai objektif projek R&D. Penerbitan <i>paper/journal</i> tidak dibenarkan potongan cukai dua kali.
19	Syarikat ingin penyelidik membina sebuah mesin/robot untuk automasi di ladang. Adakah dibenarkan untuk potongan cukai dua kali?	Jika produk dihasilkan menggunakan beberapa komponen untuk dijadikan sesuatu produk, ia dibenarkan untuk potongan cukai dua kali.
20	Adakah ada had limit sumbangan untuk potongan cukai dua kali?	Tiada had limit.
21	Jika dalam sesebuah projek penyelidikan memerlukan pembelian haiwan seperti lembu/kerbau bagi tujuan ujikaji, akan tetapi ada kemungkinan haiwan tersebut masih hidup selepas tamat projek. Adakah pembelian haiwan tersebut dikira sebagai harta modal?	Haiwan dikira sebagai bahan mentah dan bukan harta modal. Sekiranya haiwan tersebut masih hidup selepas tamat projek, ianya boleh digunakan untuk projek seterusnya.
22	Jika projek itu memenuhi kriteria layak memohon DTD, walaubagaimanapun sebahagian projek itu memerlukan penyelidik melakukan kajian pasaran. Adakah dibenarkan kos kajian pasaran untuk potongan cukai dua kali?	Tidak. Kajian pasaran tidak dibenarkan untuk potongan cukai dua kali. Jumlah nilai keseluruhan akan ditolak dengan nilai berkaitan dengan kajian pasaran.

23	Adakah akaun amanah projek DTD ini perlu dibuka di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)?	Ya, akaun amanah penyelidikan hendaklah dibuka di bawah pihak RMC (Sila pilih nama Pengarah RMC sebagai Ketua PTJ dalam sistem i-Amanah). Segala perbelanjaan projek akan diuruskan pihak RMC untuk kelulusan dan proses pembayaran
----	---	---